



COVID-19 VACCINATION

Mengapa majikan penjagaan orang tua di rumah saya sedang bertanya sama ada saya telah menerima pelalian COVID-19?

Maklumat mutakhir pada 4 Jun 2021

Pelalian merupakan perlindungan yang paling berkesan terhadap COVID-19. Melindungi penghuni dalam penjagaan orang tua dan pekerja yang menjaga mereka merupakan suatu keutamaan.

Oleh demikian, penting agar kerajaan dan penyedia penjagaan orang tua di rumah memahami bagaimana berapa pekerja penjagaan orang tua telah menerima pelalian terhadap COVID-19. Maklumat ini membantu kita memahami risiko terhadap penghuni dan pekerja untuk bersedia, merancang dan menangani wabak COVID-19.

Sekiranya terjadi wabak COVID-19 di tempat anda, penting agar anda mengetahui berapa pekerja telah menerima pelalian supaya langkah-langkah perlindungan boleh diterapkan bagi mereka yang belum menerima pelalian.

Daftar Pelalian Australia mencatatkan riwayat pelalian semua orang. Namun ini tidak termasuk maklumat mengenai pekerjaan yang anda lakukan atau mengenai majikan anda.

Kerajaan Australia sedang memperkenalkan alat bantu pelaporan yang baru untuk para penyedia perkhidmatan penjagaan orang tua di rumah, serta perkhidmatan penjagaan orang tua di dalam rumah dan dalam masyarakat yang diluluskan, bagi tujuan ini. Alat bantu ini kini disediakan untuk kegunaan penyedia perkhidmatan secara sukarela melalui My Aged Care.

Walaupun pelaporan pada mulanya adalah secara sukarela, sangat disyorkan agar penyedia perkhidmatan yang diluluskan memulakan pelaporan mingguan mengenai:

- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan penjagaan orang tua di rumah
- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan yang telah menerima satu dos vaksin COVID-19
- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan yang telah menerima semua dos vaksin COVID-19 yang diperlukan.

Bermula 15 Jun 2021, pelaporan ini akan menjadi keperluan rasmi bagi penyedia perkhidmatan penjagaan orang tua di rumah yang diluluskan. Bagi perkhidmatan penjagaan orang tua di dalam rumah dan dalam masyarakat, ini akan menjadi keperluan rasmi pada minggu-minggu mendatang.

Apakah pengaruh perkara ini terhadap diri saya?

Tempat kerja anda akan membincangkan dengan anda bagaimana maklumat akan diperoleh dan dilaporkan mengenai bilangan pekerja di tempat tersebut yang telah menerima satu dos vaksin COVID-19 dan mereka yang telah menerima semua dos vaksin COVID-19 yang diperlukan.

Penting agar anda memahami bahawa menerima pelalian v adalah sukarela. Terpulanglah kepada anda untuk membuat keputusan menerima pelalian atau tidak. Terpulanglah kepada anda untuk memaklumkan majikan anda sama ada anda telah menerima pelalian COVID-19 atau tidak. Juga penting agar anda memahami mengapa maklumat ini sedang diperoleh demi perlindungan orang yang sedang anda jaga.

Maklumat apa yang akan diperoleh dan dilaporkan oleh tempat kerja saya?

Pengumpulan data serupa dengan cara majikan dan sedang mencatatkan maklumat mengenai bilangan pekerja yang telah menerima pelalian influenza.

Tempat kerja anda akan memberi maklumat berikut kepada Jabatan Kesihatan:

- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan penjagaan orang tua
- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan yang telah menerima satu dos vaksin COVID-19
- bilangan pekerja di setiap perkhidmatan yang telah menerima semua dos vaksin COVID-19 yang diperlukan.

Maklumat yang dilaporkan oleh tempat kerja anda tidak akan mengenal pasti mana-mana individu.

Pelaporan akan termasuk semua orang (termasuk sukarelawan) yang bekerja di tempat penjagaan orang tua di rumah dan yang bertanggungjawab untuk penjagaan di rumah, sokongan dan perkhidmatan untuk penghuni, serta pemeliharaan dan pentadbiran. Ini termasuk kakitangan kejururawatan dan penjagaan peribadi, ahli kesihatan bersekutu, kakitangan pentadbiran, serta kakitangan dapur, pembersihan, dobi dan halaman.

Adakah saya perlu memberitahu majikan saya jika saya telah menerima pelalian COVID-19?

Tidak. Terpulanglah kepada anda, tetapi disyorkan agar maklumat ini dikongsi dengan majikan anda kerana ini merupakan sebahagian daripada persiapan dan perancangan COVID-19 di tempat anda.

Majikan anda akan diharapkan mengadakan perbincangan yang sopan dengan anda untuk:

- menjelaskan mengapa sedang diminta maklumat mengenai pelalian COVID-19 di kalangan pekerja
- memastikan anda memahami terpulang kepada anda untuk menerima pelalian COVID-19
- memastikan anda memahami kerahsiaan anda akan dilindungi, dan
- memastikan anda menyedari hak anda untuk menolak memberi maklumat ini.

Adakah saya perlu menunjukkan sebarang bukti untuk pelalian COVID-19 saya sekiranya saya bersedia berkongsi maklumat ini dengan majikan saya?

Tidak. Terpulanglah kepada anda. Majikan anda akan membincangkan dengan anda bagaimana akan dicatatkan pelalian COVID-19 anda, sekiranya anda bersedia berkongsi maklumat ini dengan mereka. Bagi pekerja yang sudi, anda mungkin ingin memberi majikan anda:

- sijil pelalian atau bukti lain daripada penyedia pelalian, atau
- penyata riwayat pelalian yang boleh anda akses dari Medicare dalam talian atau aplikasi bimbit Express Plus Medicare.

Anda juga boleh mempertimbangkan memberi:

- pernyataan bertandatangan atau
- catatan daripada pengamal perubatan umum.

Di mana boleh saya peroleh maklumat untuk membantu saya membuat keputusan mengenai menerima pelalian COVID-19?

Tempat kerja anda telah menerima pelbagai [maklumat dan bahan untuk menyokong para pekerja](#) untuk membuat keputusan tentang menerima pelalian COVID-19, dan bagi membantu para pekerja mengenai di mana mereka boleh menerima pelalian. Ini termasuk maklumat yang telah diterjemahkan ke dalam [19 bahasa](#). Anda juga boleh memperoleh maklumat ini di laman [health.gov.au](#). Penting untuk memperoleh maklumat yang boleh dipercayai dan andal mengenai vaksin-vaksin COVID-19, mengapa pelalian penting, dan cara untuk mengakses pelalian.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Jabatan Kesihatan di

E-mel: AgedCareCOVIDLiaison@health.gov.au atau hubungilah persatuan buruh anda untuk nasihat dan sokongan.